

17 MAR 1997

Mahathir - Barangan

SUDAH SAMPAI MASA MALAYSIA KELUAR BARANGAN SENDIRI

KUANTAN, 17 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata masanya sudah tiba bagi rakyat Malaysia mempunyai lebih kepercayaan kepada diri dan kemampuan sendiri dalam menghasilkan sesuatu kerana kualiti barangan buatan Malaysia setanding dengan yang diimport.

Perdana Menteri berkata bukti barangan Malaysia diiktiraf oleh orang asing ialah mereka sanggup membeli barangan jenama asing yang sebenarnya dibuat di Malaysia.

"Mereka tentu sanggup membeli barangan kita yang berkualiti dan mempunyai harga yang berpatutan," kata beliau semasa merasmikan Malaysia Electric Corporation Berhad (MEC) dan Bandar MEC yang melibatkan kos RM4,000 juta di Gambang dekat sini. Upacara itu dihadiri kira-kira 15,000 orang.

Dr Mahathir berkata sehingga kini barangan elektrik yang digunakan di Malaysia diimport atau mempunyai jenama bukan Malaysia walaupun dibuat atau dipasang di negara ini.

Katanya rakyat Malaysia sendiri tidak begitu sanggup menerima barangan elektrik dan elektronik buatan Malaysia kerana dipercayai "kita tidak mampu mengeluarkan barangan jenis ini yang bermutu walaupun sebenarnya kebanyakan barangan elektrik berjenama asing dibuat di Malaysia oleh syarikat-syarikat kepunyaan Malaysia secara kontrak".

Perdana Menteri berkata banyak juga daripada syarikat-syarikat kepunyaan pengusaha Malaysia kini telah mengambil alih syarikat asing dan mengeluarkan barangan dengan jenama asing.

"Barangan ini diterima oleh rakyat Malaysia kerana mereka percaya barangan ini bukan direka dan dikeluarkan oleh syarikat Malaysia. Kita juga percaya bahawa jika jenama Malaysia digunakan maka orang asing tidak akan menerimanya," katanya.

Dr Mahathir juga berkata jika Malaysia ingin menembusi pasaran dunia tidak ada jalan lain melainkan mengadakan perusahaan secara besar-besaran.

Katanya perusahaan kecil tidak mungkin mencapai skala ekonomi, bekalan yang cukup untuk pasaran dunia yang besar, membelanjakan wang untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D), mengeluarkan jenis produk yang banyak dan mempunyai jaringan pemasaran yang meliputi seluruh dunia.

Justeru itu, beliau berkata, pengusaha dari Malaysia harus memasuki industri pembuatan barangan yang canggih untuk menjamin kejayaan.

Perdana Menteri berkata MEC adalah suatu perusahaan yang dirancang secara besar-besaran dan cadangan untuk mengadakan Bandar MEC seluas 1,200 hektar menunjukkan skala industri ini sesuai dengan matlamat Malaysia untuk memasuki bidang ini di peringkat dunia.

"Memang semua perniagaan menghadapi risiko tetapi jika kita tidak mencuba sudah tentu kita tidak akan berjaya langsung dan sebaliknya jika kita cuba dan kita menghadapi masalah, usaha boleh dibuat untuk memulihkannya" kata beliau.

Untuk tidak ketinggalan, Dr Mahathir mencadangkan agar MEC menubuhkan bahagian R&D yang besar dan peruntukan yang mencukupi baginya.

Menurut beliau barangan elektrik mudah ketinggalan zaman dan pengguna menjadi bosan dengan barangan berkenaan dan oleh itu sepanjang masa peningkatan produk (upgrade) dan inovasi mesti dibuat setelah reaksi pengguna terhadap produk tertentu dikaji.

Dr Mahathir berkata kualiti adalah satu perkara yang perlu diberi perhatian serius, demikian juga perkembangan sains dan teknologi dalam

bidang elektrik dan elektronik yang mungkin dapat digunakan dalam alat-alat ini.

"Wang yang dibelanjakan untuk R&D bukan pembaziran. R&D amatlah penting jika sesuatu perusahaan hendak dikekalkan dan daya saingannya dipertahankan. Kos R&D hendaklah dijadikan kos biasa bagi semua perusahaan. Sebahagian daripada budget perlu diperuntukkan untuk R&D," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau yakin projek MEC akan dapat membantu proses perindustrian negara dan menolong mengurangkan defisit imbalan pembayaran dengan mengeksport barangan-barangan yang dikeluarkan dan mengurangkan import barangan yang sejenis dengannya.

Katanya beliau yakin Bandar MEC akan dapat menjadikan Kuantan dan Pantai Timur sebagai kawasan perindustrian yang berdaya maju dan akan menolong membangunkan ekonomi Pantai Timur.

"Dengan ini, akan tercapailah imbalan pembangunan di Semenanjung," katanya.

Sempena perasmian itu, Dr Mahathir menanam pokok bunga semarak api berhampiran pintu gerbang utama Bandar MEC. Beliau juga melawat beberapa bahagian kilang itu dengan diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali, Presiden dan Ketua Eksekutif MEC Berhad, Datuk Seri Teong Teck Leng dan Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob.

Dr Mahathir juga menerima pesanan pembelian barangan MEC daripada beberapa syarikat di Malaysia yang berjumlah RM125 juta. Beliau juga menyampaikan hadiah wang tunai RM30,000 kepada pemenang pertandingan mencipta logo MEC, Azizi Ali dari Kuala Lumpur. -- BERNAMA

AZ MAI